

MAKLUMAT PROGRAM DIPLOMA PSIKOLOGI ISLAM

AKADEMI DARUL TAUHID

Pengenalan

Diploma Psikologi Islam anjuran Akademi Darul Tauhid merupakan program yang memperkenalkan ilmu-ilmu asas tentang psikologi dan kaunseling menurut kaca mata Islam. Ia juga mengandungi kajian perbandingan antara perspektif Islam dan Barat dalam bidang ini.

Ini dirangka bagi melahirkan pelajar-pelajar yang berketerampilan dan berkemampuan menyampaikan ilmu dan dakwah kepada masyarakat setempat, di samping menceburkan diri dalam kerjaya di bidang pendidikan, penyelidikan, penerbitan, dan sebagainya yang relevan demi memartabatkan agama Islam.

Peluang Kerjaya

- Penolong Kaunselor di badan-badan agama atau swasta
- Peluang kerjaya di organisasi Islam dan badan-badan dakwah
- Penolong Pegawai Penasihat atau Konsultan di badan swasta
- Penulis dan pembantu penyelidik (research assistant)
- Juru Kaunseling Bebas

Mod Program

Program ini mempunyai dua (2) mod; Mod Penuh (Biasa) dan Mod Mustami'. Kuliah dan tutorial hanya diadakan pada hujung minggu sahaja, iaitu pada hari-hari Sabtu dan/atau Ahad yang terpilih.

Syarat Kemasukan

- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan 3 Kepujian/ Kredit, atau Syahadah atau sijil sekolah agama swasta atau pondok
- Beragama Islam
- Boleh membaca Al-Quran dengan baik
- Tiada syarat kemasukan bagi Mod Mustami' –terbuka kepada sesiapa sahaja yang berminat

Jadual Kuliah & Tutorial

Sabtu atau Ahad	9.30 am – 1.30 pm	Kuliah
	1.30 pm – 2.30 pm	Rehat
	2.30 pm – 5.30 pm	Kuliah

Pelaksanaan Kursus Pengajian

Pelajar yang tiada kelulusan dalam bidang agama (sijil sekolah menengah agama, tahfiz, dan sebagainya), dan tiada kemahiran Bahasa Arab, maka wajib mengambil kesemua subjek program Asasi selama setahun atau tiga semester di Akademi Darul Tauhid, termasuk pelajar yang mengambil Mod Mustami'.

Pelajar yang mempunyai sijil sekolah menengah agama atau SPM dengan Bahasa Arab Tinggi dan mendapat sekurang-kurangnya gred B layak mendapat pengecualian bagi subjek-subjek berkaitan Bahasa Arab dalam program Asasi, tetapi wajib mengambil kesemua subjek yang lain. Ujian penempatan akan dilaksanakan dan hanya pelajar yang lulus diberikan pengecualian subjek. Yuran bagi pengecualian subjek ialah RM30 per subjek. Maka pelajar hanya perlu membayar yuran pendaftaran semester sebanyak RM200 dan RM100 bagi setiap jam kredit subjek yang berbaki.

Para pelajar yang telah menghabiskan program asasi selama setahun dan lulus peperiksaan akhir program asasi akan dianugerahkan dengan Sijil Bahasa & Sastera Arab.

Tenaga pengajar terdiri daripada pensyarah-pensyarah yang berkelulusan minimum Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang yang berkaitan seperti Syariah, Hadith, Pengajian Islam, dan sebagainya sama ada dari IPT tempatan dan luar negara.

Jumlah jam kredit bagi program Diploma Psikologi Islam ialah 98. Bagi setiap jam kredit masa pembelajaran ialah selama 14 jam/14 minggu.

Pelajar perlu mengikuti enam (6) modul/semester. Tempoh setiap modul/semester ialah selama empat (4) bulan. Hari-hari kuliah disusun dalam tempoh empat (4) bulan tersebut selaras dengan kehendak 14 jam/14 minggu belajar bagi satu jam kredit.

Pelajar perlu hadir sebanyak 60% daripada keseluruhan kuliah. Jika kurang daripada itu, pelajar tidak akan dibenarkan untuk menduduki peperiksaan akhir.

Markah minimum lulus bagi setiap subjek ialah 40%.

Pelajar perlu mengulang semula subjek sekiranya didapati gagal dalam peperiksaan akhir. Pelajar tersebut juga perlu membayar semula yuran pengajian bagi subjek yang gagal dengan kadar RM 100 per jam kredit.

Pihak Akademi Darul Tauhid memberi peluang kepada pelajar untuk menilai semula kertas jawapan peperiksaan dan mengenakan bayaran RM50.00 untuk satu subjek bagi tujuan tersebut. Pihak Akademi akan melantik seorang pemeriksa baharu untuk tujuan tersebut.

Pengecualian sesuatu kursus boleh dibuat jika transkrip pelajar membuktikan bahawa beliau telah menjalani kursus yang sama atau kandungan kursusnya setara dan mendapat kelulusan yang memuaskan sekurang-kurangnya B. Setiap permohonan pengecualian hendaklah dilampirkan surat rasmi permohonan tersebut berserta transkrip peperiksaan dan salinan silibus kursus yang berkenaan. Bayaran perpindahan kredit akan dikenakan sebanyak RM30/jam kredit setelah kelulusan diperolehi.

Seseorang pelajar boleh menangguhkan pengajiannya bagi sesuatu kursus semester dengan alasan yang munasabah. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pengurus Program Akademik dalam tempoh dua (2) minggu pertama semester bermula. Sekiranya gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan, pelajar berkenaan dianggap telah berhenti daripada pengajian.

Senarai Subjek Asasi

(Program Asasi juga dikenali sebagai **Sijil Bahasa & Sastera Arab**)

Subjek/Kursus	Jam Kredit
Semester 1 Asasi	
Qa'idah Nuraniyyah 1	2
Aqidah Islamiyyah	2
Akhlaq Islami	3
Hafazan & Tajwid 1	2
Al-Madinah Buku 1	2
Al-Arabiyyah Bayna Yadayk 1	2
Semester 2 Asasi	
Qa'idah Nuraniyyah 2	2
Al-Madinah Buku 2	2
Al-Arabiyyah Bayna Yadayk 2	2
Hadith Nabawi 1	2
Hafazan & Tajwid 2	2
Balaghah 1	2
Semester 3 Asasi	
Al-Madinah Buku 3	2
Al-Arabiyyah Bayna Yadayk 3	2
Balaghah 2	2
Adab Jahiliyy	2
Nusus Adabiyyah	2
Hadith Nabawi 2	2
Jumlah Jam Kredit	37

Jadual Silibus Tahun Kedua (Diploma Psikologi Islam)

TAHUN 2					
Semester 1		Semester 2		Semester 3	
Subjek	Kredit	Subjek	Kredit	Subjek	Kredit
Tarikh Tashri'	3	Pengantar Ulum Al-Qur'an	3	Pengantar Usul At-Tafsir	3
Fiqh Sunnah (Ibadat)	3	Fiqh Sunnah (Munakahat)	3	Tuhfah Thaniyah (Nahu) 2	2
Madkhal ila Al-Fiqh Al-Islami	3	Tamadun Islam	2	Aqidah Islamiyyah 3	2
Al-Arabiyyah Bayna Yadayk 4	2	Tuhfah Thaniyah (Nahu) 1	2	Hadith Nabawi 3	2
Ulum Al-Hadith	3	Mustalah Al-Hadith 1	3	Dakwah Islamiyyah	3
Sirah Nabawiyyah	3	Aqidah Islamiyyah 2	2	Kitab-Kitab As-Sunnah 1	3
Jumlah	17	Jumlah	15	Jumlah	15

Jadual Silibus Tahun Ketiga (Diploma Psikologi Islam)

TAHUN 3					
Semester 1		Semester 2		Semester 3	
Subjek	Kredit	Subjek	Kredit	Subjek	Kredit
Pengantar Usul Al-Fiqh	3	Kaedah Penyelidikan	2	Praktikum & Kertas Projek	2
Pengantar Psikologi Islam	3	Strategi Kaunseling Islam & Barat	3	Fiqh Sunnah (Mawarith)	3
Pengantar Psikologi (Barat)	3	Prinsip Komunikasi Islam	3	Kaunseling Keluarga	3
Tafsir Al-Qur'an	3	Fiqh Sunnah (Jinayat)	3	Tingkah Laku Manusia	3
Fiqh Sunnah (Muamalat)	3	Isu-Isu Psikologi & Kaunseling	2	Psikologi Dakwah & Sosial	3
Pengantar Bimbingan & Kaunseling	3	Motivasi dan Pengurusan Emosi	3	Terapi Kerohanian	3
Jumlah	18	Jumlah	16	Jumlah	17

Susunan atau tertib subjek dalam setiap semester mungkin berubah dan berlainan daripada ini berdasarkan keputusan Akademi dari masa ke masa.

Kaedah Pengajaran & Pembelajaran (P&P)

1. Kuliah dan tutorial mingguan – diadakan setiap minggu, sama ada pada hari Sabtu atau Ahad, bergantung pada ketetapan pihak pengurusan Akademi dari masa ke masa dan kesesuaian jadual waktu pensyarah yang mengajar. Kehadiran bagi setiap subjek akan diambil.
2. Pembacaan dan kajian sendiri di rumah – pelajar dijangka untuk membuat pembacaan dan ulang kaji sendiri di rumah sekurang-kurangnya 2 ke 4 jam setiap hari untuk setiap subjek yang diambil, atau menyiapkan tugas dan latihan yang diberikan oleh pensyarah.
3. Kuiz dan ujian bulanan – diadakan untuk menguji tahap pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap subjek atau topik yang dipelajari.
4. Peperiksaan akhir setiap semester – dilaksanakan sebagai kayu ukur pemahaman dan penguasaan ilmu pelajar terhadap subjek yang dipelajari secara keseluruhan.

Kaedah Penilaian

<i>Bil.</i>	<i>Elemen Pemarkahan / Penilaian</i>	<i>Peratus (%)</i>
1	Kehadiran kuliah dan tutorial	20%
2	Kuiz dan ujian bulanan	10%
3	Tugasan dan latihan	20%
4	Peperiksaan akhir	50%
	JUMLAH KESELURUHAN	100%

Skema Pemarkahan

<i>Markah</i>	<i>Gred</i>	<i>Nilai Gred</i>	<i>Takrifan</i>
90-100	A	4.00	Cemerlang / Mumtaz
80-89	A-	3.67	
75-79	B+	3.33	
70-74	B	3.00	Sangat Baik / Jayyid Jiddan
65-69	B-	2.67	Baik / Jayyid
60-64	C+	2.33	
55-59	C	2.00	
50-54	C-	1.67	Lulus / Maqbul
45-49	D+	1.33	
40-44	D	1.00	
35-39	D-	0.67	Gagal / Ghayr Maqbul
30-34	E	0.33	
0-29	F	0.00	

Penganugerahan Diploma & Peluang Seterusnya

1. Akademi Darul Tauhid akan menganugerahkan Diploma kepada para pelajar yang mendapat PNGK (Purata Nilai Gred Kumulatif) minimum 2.00.
2. Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 2.00 hanya akan dianugerahkan Sijil Kehadiran (Mustami') sahaja.
3. Diploma ini juga berpotensi untuk dianugerahkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) di dalam atau di luar negara. Pihak Akademi Darul Tauhid kini masih dalam proses usahasama dengan kolej dan universiti tempatan dan luar negara untuk pengiktirafan Diploma yang ditawarkan, terutamanya kolej-kolej yang telah mendapat akreditasi penuh daripada MQA.
4. Para pelajar juga berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di kolej atau universiti tempatan yang menerima pengiktirafan APEL MQA. Pelajar perlu menghantar borang permohonan APEL untuk diproses oleh IPT yang berkenaan. Antara IPT di Malaysia yang menerima permohonan melalui APEL ini ialah Open University Malaysia dan Universiti Utara Malaysia.
5. Para pelajar juga berpeluang untuk menghadiri seminar dan sekaligus temuduga dengan pihak Liga Dunia Islam yang boleh menawarkan peluang melanjutkan pengajian di pusat mereka di Makkah, Arab Saudi, atau di tempat lain, dengan biasiswa penuh, yang mana setelah itu berpeluang untuk melanjutkan pengajian di Universiti Ummul Qura atau selainnya, bergantung kepada kelulusan dan keadaan semasa.
6. Para pelajar juga berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda atau setaraf di sekolah tinggi dakwah di Indonesia yang setaraf dengan universiti, yang menjalankan usahasama atau MOU / MOA dengan Akademi Darul Tauhid.
7. Pemilik Diploma ini juga berpeluang untuk mendapatkan tauliah mengajar agama di Wilayah Persekutuan atau di negeri-negeri lain di Malaysia dan boleh mengajar, berkhotbah, dan membuka kelas-kelas pengajian sendiri.

Mod Mustami' (Audit)

1. Mod *Mustami'* atau dikenali dalam bahasa Inggeris dengan *Audit Course* ialah di mana pelajar menghadiri kuliah dan tutorial tetapi tidak menduduki peperiksaan atau dikecualikan daripada sebarang tugasan.
2. Pelajar yang menghadiri kesemua kuliah bagi semua subjek dalam satu-satu program akan dianugerahkan Sijil Kehadiran sahaja, bukan Diploma, dengan syarat mereka hadir dengan markah kehadiran minimum 70% secara keseluruhan bagi satu-satu program.
3. Mod ini ditawarkan khas bagi pelajar yang berminat untuk menimba ilmu pengetahuan sahaja, dan tidak mahu terlibat dengan sebarang tugasan dan peperiksaan.
4. Mod *Mustami'* ditawarkan dalam dua (2) kategori: (1) dengan nota dan teks, iaitu semua nota dan buku teks atau manual akan dicetak dan diberikan kepada pelajar, dan (2) tanpa nota dan teks, iaitu pelajar tidak akan mendapat sebarang nota atau buku teks atau manual.

Yuran & Pendaftaran

1. Yuran program ialah seperti berikut:

Perkara	Mod Penuh	Mod Mustami' (+ nota dan teks)	Mod Mustami' (tanpa nota dan teks)
<i>Yuran Pendaftaran (RM200 x 9 Semester)</i>	1,800	1,800	1,800
<i>Tahun 1 Asasi 1</i>	1,000	700	600
<i>Tahun 1 Asasi 2</i>	1,000	700	600
<i>Tahun 1 Asasi 3</i>	1,000	700	600
<i>Tahun 2 Semester 1</i>	1,000	700	600
<i>Tahun 2 Semester 2</i>	1,000	700	600
<i>Tahun 2 Semester 3</i>	1,000	700	600
<i>Tahun 3 Semester 1</i>	1,000	700	600
<i>Tahun 3 Semester 2</i>	1,000	700	600
<i>Tahun 3 Semester 3</i>	1,000	700	600
TOTAL	10,800	8,100	7,200

Yuran boleh dibayar secara ansuran bulanan. Sila rujuk Terma & Syarat di dalam dokumen ini.

2. Setiap permohonan mestilah dengan pembayaran yuran proses sebanyak RM100. Permohonan tidak akan diproses tanpa bayaran yuran proses. Yuran proses tidak termasuk dalam yuran pengajian dan pendaftaran dan tidak boleh dikembalikan (non-refundable).
3. Sekiranya calon pelajar bersetuju dengan tawaran mengikuti program ini, maka bayaran (yuran pendaftaran RM200) perlu dijelaskan terlebih dahulu sebelum kuliah pertama bagi semester tersebut bermula.
4. Tarikh akhir pembayaran yuran pendaftaran sesi Februari 2019: **Sabtu, 2 Februari 2019**
5. Bayaran dibuat ke akaun bank:
BANK MUAMALAT
No. Akaun: 1207 000 65 85 715
Nama Akaun: Pusat Bimbingan & Latihan Darul Tauhid
6. Sila simpan resit / penyata pindahan wang dan hantar melalui WHATSAPP ke 019 - 406 9406 atau ke e-mel admin@darultauhid.com selepas membuat bayaran.
7. Sila bawa resit / penyata pindahan wang yang asal ke lokasi pengajian semasa hari pendaftaran dan sesi taklimat.
8. Sila bawa dokumen-dokumen berikut pada hari pendaftaran:
 - a. Satu (1) salinan kad pengenalan (MyKad) atau pasport
 - b. Satu (1) salinan sijil SPM atau yang lain yang setaraf, jika ada
9. Tarikh pendaftaran rasmi, taklimat program, dan kuliah pertama: **SABTU, 2 FEBRUARI 2019, jam 9.00 pagi**

10. Alamat lokasi pengajian dan pendaftaran:

AKADEMI DARUL TAUHID
1A, Tingkat 1, Jalan Diplomatik 2/2
Presint Diplomatik
62050 Putrajaya

11. Sila hubungi **019-406 9406** (Whatsapp atau SMS Sahaja) atau **03-8861 0005** untuk maklumat lanjut.



DARUL
TAUHID

TERMA & SYARAT PROGRAM DIPLOMA PSIKOLOGI ISLAM (DPI)

AKADEMI DARUL TAUHID

1. Program ini adalah bersifat **separuh masa**. Para pelajar perlu membuat pembacaan, kajian, dan menulis sendiri dengan bimbingan dan tunjuk ajar para pensyarah.
2. Pelajar boleh membayar yuran pengajian (tidak termasuk yuran pendaftaran semester) secara ansuran bulanan selepas mendapat persetujuan daripada pihak Akademi. Setiap semester berlangsung selama empat (4) bulan. Bayaran ansuran bulanan mestilah dibuat sebelum 1 haribulan pada setiap bulan dalam semester tersebut atau selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum peperiksaan akhir bermula. Perincian bayaran secara ansuran bulanan adalah seperti berikut:

Contoh, jadual bayaran ansuran untuk Semester 1:

<i>Bulan</i>	<i>Jumlah Bayaran Ansuran (RM)</i>
Pertama	450
Kedua	250
Ketiga	250
Keempat	250
Jumlah (RM)	1,200

3. Yuran pengajian yang telah dibayar tidak boleh dikembalikan (non-refundable).
4. Pelajar yang gagal menjelaskan yuran pengajian **tanpa sebab** selepas tempoh satu (1) bulan selepas kelas pertama dalam semester itu bermula akan digugurkan daripada program.
5. Yuran pengajian setiap semester adalah termasuk kos pentadbiran, kemudahan pengajian, kos tutorial, elaun pensyarah, kos percetakan nota dan teks, utiliti, dan lain-lain.
6. Skrol Diploma akan dianugerahkan selepas tamat pengajian dengan syarat-syarat yang ditetapkan.
7. Selain daripada nota atau teks yang disediakan oleh pihak Akademi, para pelajar dikehendaki membeli buku-buku rujukan sendiri atas tanggungan sendiri sekiranya perlu.
8. Para pelajar program ini mestilah menjaga adab, akhlak, dan sahsiah diri yang baik menurut ajaran Islam. Semua pelajar wajib berpakaian memelihara aurat dan maruah diri.
9. Semua pelajar wajib mematuhi semua peraturan dan ketetapan Akademi. Mana-mana pelajar yang gagal mematuhi peraturan Akademi atau arahan pihak pengurusan dari masa ke masa, sama ada secara bertulis atau lisan, boleh dikenakan hukuman atau digugurkan daripada program.
10. Pihak pengurusan Akademi berhak membuat pindaan, perubahan, dan mengeluarkan apa-apa arahan demi kelancaran perjalanan program dari masa ke masa.
11. Pihak pengurusan Akademi tidak menjamin kejayaan mana-mana pelajar untuk mendapat tempat di mana-mana institusi pengajian tinggi yang lain selepas menamatkan pengajian di sini.
12. Segala masalah, maklumbalas, aduan, dan sebagainya hendaklah disampaikan terus kepada pihak pengurusan Akademi.

13. Para pelajar bertanggungjawab atas keselamatan dan kesihatan diri mereka masing-masing, serta harta benda milik mereka. Pihak pengurusan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kehilangan, kerosakan, kecederaan, atau kematian para diri dan harta benda pelajar sepanjang mengikuti program ini.
14. Segala peraturan dan ketetapan adalah tertakluk di bawah undang-undang Malaysia.

- Sekian terma dan syarat -



DARUL
TAUHID